



MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi)

PERMOHONAN KEMASUKAN KE MAKTAB RENDAH SAINS MARA TINGKATAN SATU SEMENANJUNG MALAYSIA

Mulai tahun 2009, MARA akan mewujudkan **MRSM (AGAMA)** di Kota Putra, Besut. Sistem pendidikan MRSM (Agama) ini merangkumi Pengajian Al-Quran (Hafazan), Bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Mandarin dan Bahasa Jepun selain subjek teras seperti yang sedia ada di MRSM.

A. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

- **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM :**

1. Warganegara Malaysia.
2. Permohonan ini **terbuka** kepada pelajar yang bersekolah di Semenanjung Malaysia :
 - (i) Bumiputera tahun enam.
 - (ii) Bukan Bumiputera tahun enam yang sedang menuntut di **Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Kebangsaan**.
3. Pemohon hendaklah memperoleh **keputusan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)**.

- **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM AGAMA :**

1. Warganegara Malaysia.
2. Permohonan ini **terbuka** kepada pelajar yang bersekolah di Semenanjung Malaysia :
 - (i) Bumiputera tahun enam yang sedang menuntut di **Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Agama Negeri atau Sekolah Rendah Agama Rakyat**.
3. Pemohon hendaklah memperoleh **keputusan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah**

Rendah (UPSR) atau sekurang-kurangnya 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (Agama), berkebolehan membaca Al-Quran dengan baik dan mempunyai minat dalam bidang agama.

4. Pemohon ke MRSM (Agama) akan **ditemuduga**.

B. CARA MEMOHON BORANG

1. Pemohon hendaklah datang sendiri ke **PEJABAT MARA** Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Negeri atau Daerah yang berdekatan untuk mendapatkan borang permohonan bermula pada hari keputusan UPSR diumumkan secara rasmi.
2. Pemohon hendaklah membawa **Salinan Surat Beranak** serta **Salinan Keputusan UPSR yang telah disahkan** semasa membeli borang.
3. Bayaran sebanyak **RM5.00 (Ringgit Malaysia : Lima sahaja)** boleh dibuat secara **tunai** atau dalam bentuk **wang pos berpaling atas nama Majlis Amanah Rakyat (MARA)**. Untuk maklumat lanjut sila layari laman web MARA di alamat :
<http://www.mara.gov.my>

C. TARIKH TUTUP JUALAN BORANG PERMOHONAN

Tarikh tutup jualan borang permohonan adalah 10 hari bekerja selepas keputusan UPSR diumumkan secara rasmi.

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat di bawah tidak lewat dari 3 hari bekerja selepas tarikh tutup jualan borang permohonan ke alamat seperti yang berikut :

**Pengarah,
Bahagian Pendidikan dan Latihan (Menengah),
Tingkat 19, Ibu Pejabat MARA,
21, Jalan Raja Laut,
50609 KUALA LUMPUR.**

E. NOTA PENTING

1. Hanya permohonan yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan.
2. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima daripada tarikh tutup akan ditolak.
3. Selain syarat kelayakan, keutamaan akan diberikan kepada calon seperti yang berikut :
 - (i) Bergiat aktif dalam bidang kepimpinan, sukan dan permainan, kelab dan

persatuan serta pasukan pakaian seragam.

(ii) Berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dari sekolah pedalaman, luar bandar atau kawasan bandar yang meliputi kawasan setinggan atau kawasan daif.

4. Pemohon yang ditawarkan ke **Sekolah Berasrama Penuh (SBP, SBPI)** Kementerian Pelajaran tidak akan ditawarkan ke MRSM.
5. Pemohon yang berjaya sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan sehingga **30 April**, permohonan anda dianggap **tidak berjaya**.
6. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan di MRSM yang bersesuaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh MARA.
7. Keputusan **Jawatankuasa Tertinggi Pengambilan Pelajar MRSM** adalah **muktamad**.

**CAWANGAN HAL EHWAL PELAJAR
BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN (MENENGAH)
MARA**